

PERSEPSI MURID-MURID TERHADAP AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Ab. Halim Tamuri¹, Khadijah Abdul Razak²
Mohd Aderi Che Noh³, Mohd Izham Hamzah⁴

tamuri@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap penilaian murid terhadap amalan profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan diskriptif yang menggunakan satu borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik ini dibangunkan berdasarkan ciri-ciri di dalam Standard Guru Malaysia. Empat domain tersebut ialah domain diri, profesion, sosial dan ditambah satu lagi iaitu domain agama. Dengan menggunakan kaedah *multi stage cluster sampling*, seramai 2400 murid-murid tingkatan 4 telah dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah di seluruh Malaysia untuk menjadi sampel kajian. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati amalan nilai profesionalisme guru-guru pendidikan Islam pada pandangan murid adalah pada tahap yang tinggi. Setiap aspek domain yang dinilai mempunyai nilai purata min melebihi 4.00 ke atas iaitu domain diri (4.20), domain profesion (4.31), domain sosial (4.23) dan domain agama (4.34). Kajian menunjukkan bahawa murid-murid menyanjung dan amat menghormati guru-guru Pendidikan Islam dan mereka boleh dijadikan contoh teladan yang baik.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, Standard Guru Malaysia, Profesionalisme Perguruan.

ABSTRACT

The main objective of this study is to examine the students' perception towards professional practices among their Islamic education teachers' in the Malaysian secondary schools. This is descriptive study used a questionnaire as instrument for data collection. This questionnaire was developed based on several criteria as stated in the Malaysia Teacher Standard. Four domains were identified i.e. personal, profession and social domains and have been added with another domain i.e. religious domain. Using multi stage cluster sampling method, 2400 form four were randomly selected from several secondary schools in Malaysia. Generally, this study found that based on students' perception, the professional practices among their Islamic education teachers' in the Malaysian secondary schools were very high. All domains were above 4.0 i.e. personal domain (4.20), profession domain (4.31), social domain (4.23) and religious domain (4.34). This study showed that students were recognized and highly respect their Islamic education teachers and they can become their good role model.

Keywords: Islamic education teacher, Malaysia Teacher Standard, teacher professionalism

1.0 PENDAHULUAN

Secara umumnya, jika dikaji secara mendalam sistem pendidikan kebanyakan negara di seluruh dunia, sistem pendidikan formal khususnya sekolah kelihatannya mengambil alih sebahagian besar tugas keluarga untuk mendidik generasi muda. Ini mungkin disebabkan perkembangan kemajuan ekonomi yang mendesak, kemajuan teknologi di tambah pula dengan kesibukan masyarakat yang mengejar kemewahan kebendaan. Dalam zaman masyarakat Islam tradisional, khususnya di Malaysia, tugas mendidik anak-anak khususnya berkaitan dengan pendidikan al-Quran dan fardu `ain dilaksanakan oleh ibubapa dan dibantu oleh masyarakat sekitarnya. Malah, peranan masjid dan surau serta madrasah pada masa tersebut sangat signifikan disamping peranan oleh guru-guru al-Quran yang secara suka rela mendidik masyarakat (Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi, 2011; Ab. Halim et al., 2007). Namun, peranan ibubapa dan masyarakat semakin berkurangan dan tugas membangunkan remaja kini kelihatannya hampir diserahkan sepenuhnya kepada sekolah dan guru-guru. Dalam konteks pembangunan diri dan sahsiah murid-murid, peranan guru pendidikan Islam di sekolah kini menjadi semakin lebih penting. Maka, sekolah termasuk pentadbir, guru dan murid-murid memerlukan persediaan dan latihan yang secukupnya agar mereka dapat melaksanakan tanggung jawab mereka di sekolah dengan lebih berkesan lagi.

1.1 Guru Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Remaja

Isu remaja Muslim adalah satu perkara yang perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua peringkat masyarakat Islam di Malaysia. Berdasarkan laporan kajian, pemerhatian dan data-data dilaporkan, permasalahan sosial remaja wujud apabila suasana yang tidak bermoral dan berakhlak wujud dalam pelbagai aspek kehidupan dan dalam lapisan masyarakat bermula dari hubungan dan pergaulan dalam keluarga, masyarakat hinggalah kepada aspek kepercayaan dan pegangan hidup. Aktiviti-aktiviti gejala sosial yang dilakukan oleh mereka itu bertentangan dengan perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta nilai-nilai ketimuran. Contoh-contoh gejala sosial yang sering dilihat berlaku dalam kalangan remaja antaranya ponteng sekolah, melawan guru, membuli pelajar, gangsterisme, dadah, pil dan ubat khayal, VCD lucu, seks

bebas, LGBT yang termasuk homoseksual, heteroseksual dan lesbian, lepak, vandalisme, rogol, mencabul kehormatan, lari dari rumah, sumbang mahram, rokok, minum arak, mencuri, khalwat, mengunjungi kelab malam, *cyber cafe*, karaoke, budaya dan muzik liar, serta pergaulan bebas. Apa yang perlu diberikan perhatian, gejala sosial ini tidak terbatas kepada satu golongan atau lapisan masyarakat sahaja, tetapi ianya berlaku disemua peringkat masyarakat, yang muda, tua, kaya, miskin, berpendidikan tinggi, tiada pendidikan, berpendidikan agama, kurang pendidikan agama, rakyat, pemerintah, ketua dan pekerja. Terdapat berbagai faktor yang sering dikaitkan menyumbang kepada keadaan ini antaranya ialah kelemahan sistem sosial dan kemasyarakatan, sistem pendidikan, masalah setempat dan juga kelemahan pihak berkuasa dalam menangani isu ini.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusof Othman et al., (2011) yang melihat kepada beberapa faktor yang berkaitan dengan penghayatan akhlak murid-murid. Kajian ini dijalankan terhadap murid-murid tingkatan empat dan enam rendah daripada pelbagai sekolah menengah di Malaysia iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Teknik di Malaysia. Jumlah keseluruhan sampel kajian ini ialah 3262 orang murid. Berdasarkan jenis sekolah pula, 50% daripada responden adalah dari Sekolah Menengah Kebangsaan, 18% dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, 17% dari Sekolah Menengah Teknik dan 15% dari Sekolah Berasrama Penuh. Daripada aspek jantina, 46% daripada responden yang terlibat adalah murid lelaki, manakala 54% adalah murid perempuan.

Kajian ini mendapati guru-guru pendidikan Islam lebih dominan daripada ibubapa dalam mempengaruhi pelaksanaan pendidikan Islam di sekolah dan juga penghayatan Islam murid-murid. Kajian juga mendapati faktor artis adalah faktor yang paling lemah dalam hubungan dengan pelaksanaan pendidikan Islam di sekolah dan juga penghayatan Islam murid-murid. Faktor-faktor lain seperti rakan dan persekitaran sekolah turut menyumbang penghayatan Islam murid-murid tetapi pada tahap lebih lemah berbanding dengan faktor guru dan ibubapa. Berikut adalah dapatan kajian tersebut.

Jadual 1: Pengaruh persekitaran sosial dan tahap penghayatan Islam murid

Pemboleh ubah	r
Pengaruh Ibu bapa dan Tahap Penghayatan Islam	.364
Pengaruh Guru dan Tahap Penghayatan Islam	.477
Pengaruh Rakan-rakan dan Tahap Penghayatan Islam	.305
Pengaruh Artis dan Tahap Penghayatan Islam	.118
Pengaruh Persekitaran Sekolah dan Tahap Penghayatan Islam	.314

Jadual 1 menunjukkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah pengaruh beberapa persekitaran sosial dan tahap penghayatan akhlak. Dapatan kajian ini menunjukkan pada pandangan murid, guru-guru Pendidikan Islam ($r=.477$) dilihat mampu memberi pengaruh yang sangat positif dalam membentuk penghayatan Islam mereka. Kedudukan dilihat lebih kuat sedikit berbanding dengan pengaruh ibu bapa yang dilihat lebih rendah berbanding dengan faktor guru-guru pendidikan Islam ($r=.364$).

Faktor-faktor lain iaitu persekitaran sekolah ($r=.314$) dan rakan-rakan ($r=.305$) juga dilihat mampu memberi kesan terhadap tahap penghayatan Islam responden walaupun hubungan tersebut pada masih lemah. Jadual di atas menunjukkan faktor yang paling lemah dan kurang memberi pengaruh terhadap pembentukan Islam remaja adalah pengaruh artis ($r=.118$). Maka dapat dirumuskan, peranan murid dan persekitaran sekolah masih berada tahap yang lemah dan perlu dipertingkatkan. Pemantapan kedua-dua pihak ini akan dapat membantu peranan guru pendidikan Islam yang penting dalam penghayatan akhlak murid-murid. Apa yang jelas peranan guru pendidikan Islam dalam penghayatan akhlak adalah penting dan perlu kepada sokongan yang konsisten daripada pihak lain khususnya ibubapa.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan di Malaysia. Tiga domain utama ditekankan dalam pelaksanaan SGM iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman,

serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Berikut adalah huraian ringkas berkaitan dengan nilai profesionalisme keguruan:

Domain Diri - Domain ini merujuk kepada pegangan nilai diri guru yang sedia ada dan patut dikembangkan supaya guru boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada profesion keguruan bagi mencapai matlamat sistem Pendidikan negara. Nilai-nilai yang difokuskan dalam domain ini ialah kepercayaan kepada Tuhan, amanah, ikhlas, berilmu, kasih sayang, sabar, budi bahasa, adil, bertimbang rasa, daya tahan, daya saing dan, tahan lasak, cergas, aktif dan sihat, kemahiran interpersonal dan intrapersonal, semangat sukarela, dan efisien.

Domain Profesion - Domain ini merujuk kepada pegangan nilai yang patut diamalkan secara telus oleh guru dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru yang profesional. Nilai-nilai yang ditekankan dalam domain ini adalah kecintaan terhadap profesion, berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif dan inovatif.

Domain Sosial - Dalam domain ini, guru berperanan sebagai agen sosialisasi dan penjana modal insan dalam masyarakat. Nilai-nilai utama yang patut diamalkan oleh guru adalah keharmonian, kemahiran sosial, semangat bermasyarakat, patriotisme dan kecintaan terhadap alam sekitar.

Namun dalam konteks pelaksanaan pendidikan Islam, satu domain tambahan cuba dibangunkan itu **domain agama** sebagai satu elemen profesionalisme keguruan yang perlu ada pada setiap Guru Pendidikan Islam (GPI). Ini kerana peranan GPI sangat penting, bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu sahaja tetapi sepatutnya menjadi contoh teladan (*qudwah hasanah*) kepada seluruh murid dalam mengamal dan menghayati nilai-nilai agama (KamarulAzmi dan Ab. Halim, 2012; Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman, 2010; Kamarul Azmi, 2010; Al-Ghazali, t.t., Ghulam, 1999). Personaliti dan amalan pengajaran guru menjadi panduan untuk murid belajar, memahami dan mengamalkan ilmu Pendidikan Islam tersebut. Aspek ini merupakan komponen yang perlu ada pada mereka kerana sebagai GPI mereka perlu mengamalkan ciri-ciri

penting sebagai GPI. Domain ini boleh dijadikan satu asas paling minima yang perlu ada pada setiap GPI.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk melihat amalan profesionalisme dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam berdasarkan persepsi murid-murid. Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap penilaian murid terhadap domain diri, domain profesional, domain sosial dan domain agama bagi guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan diskriptif yang menggunakan satu borang soal selidik yang dibangunkan berdasarkan ciri-ciri yang diuraikan di dalam Standard Guru Malaysia. Borang soal selidik telah dibangunkan melalui tiga bengkel bersama 20 orang guru-guru pendidikan Islam yang berpengalaman di peringkat sekolah menengah. Selain itu, item-item dalam setiap konstruk ini juga telah disemak oleh lima orang pakar dalam bidang pendidikan Islam dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 138 murid tingkatan 4 untuk melihat tahap kebolehpercayaan instrumen tersebut. Dapatan kajian rintis telah menunjukkan tahap Cronbach's Alpha yang tinggi untuk semua domain tersebut iaitu:

Jadual 2: Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian

Domain diri	0.957
Domain profesional	0.933
Domain sosial	0.904
Domain agama	0.913

Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dan sampel seramai 2400 orang murid tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Berasrama Penuh, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan terpilih untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah

multi stage cluster sampling dalam pemilihan sampel berdasarkan zon, negeri, daerah dan sekolah. Data-data dikutip sendiri oleh pasukan penyelidik dan dibantu oleh pembantu-pembantu penyelidik yang terdiri daripada guru-guru dan pegawai pendidikan negeri. Selepas itu, semua borang soal selidik dikumpulkan serta disaring untuk memastikan keesahan dan lengkap. Setelah dimasukkan dalam perisian SPSS, data dianalisa secara deskriptif bagi mendapat peratusan dan min.

3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan telah melibatkan seramai 2400 murid-murid tingkatan 4 dan jadual-jadual berikut menunjukkan latar belakang sampel kajian. Jadual 3 menunjukkan taburan sampel kajian berdasarkan jenis sekolah.

Jadual 3: Taburan responden mengikut jenis sekolah

	Jenis Sekolah	Bil.	
		Murid	Peratus
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan	1287	53.6
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	453	18.9
3.	Sekolah Menengah Teknik	89	3.7
4.	Sekolah Berasrama Penuh	472	19.7
5.	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	99	4.1
	Jumlah	2400	100.0

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden mengikut zon yang telah dibahagikan dalam kajian ini.

Jadual 4: Taburan responden mengikut zon

	Zon	Bil. Murid	Peratus
1.	Utara	272	11.3
2.	Tengah	522	21.8
3.	Selatan	437	18.2
4.	Timur	427	17.8
5.	Sabah	205	8.5
6.	Sarawak	537	22.4
	Jumlah	2400	100

Manakala jadual 5 menunjukkan taburan sampel kajian mengikut jantina.

Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Bil. Murid	Peratus
Lelaki	1095	45.6
Perempuan	1305	54.4
Jumlah	2400	100.0

Dalam artikel ini laporan dapatan kajian akan dibentangkan dalam bentuk deskriptif memberikan gambaran awal terhadap tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah menengah berdasarkan perspektif murid-murid mereka.

3.1 Persepsi Murid Terhadap Domain Diri Guru Pendidikan Islam

Bahagian ini melaporkan pandangan murid terhadap guru Pendidikan Islam bagi domain diri sebagai seorang guru. Sebanyak 55 item telah diajukan kepada sampel kajian berkaitan dengan persepsi mereka terhadap domain diri guru-guru Pendidikan Islam.

Jadual 6: Domain Diri Guru Pendidikan Islam

ITEM	Penyataan:	1 STS	2 TS	3 KS	4 SS	5 ST	MIN
	Saya berpendapat ustaz/ustazah di sekolah saya ...						
1	Mempunyai pegangan Islam yang kuat	5 (0.2)	3 (0.1)	87 (3.6)	980 (40.8)	1320 (55.0)	4.51
2	Melaksanakan ibadat dengan sempurna	4 (0.2)	11 (0.5)	106 (4.4)	912 (38.0)	1364 (56.8)	4.51
3	Menerapkan nilai universal/murni di sekolah	8 (0.3)	20 (0.8)	162 (6.8)	1057 (44.0)	1146 (47.8)	4.38
4	Menerapkan nilai Islam dalam melaksanakan tugasnya	4 (0.2)	12 (0.5)	137 (5.7)	940 (39.2)	1304 (54.3)	4.4.7
5	Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab	5 (0.2)	9 (0.4)	158 (6.6)	1008 (42.0)	1217 (50.7)	4.4.3
6	Memanfaatkan masa untuk kepentingan pelajar	9 (0.4)	29 (1.2)	277 (11.5)	1111 (46.3)	966 (40.3)	4.25
7	Menggunakan kuasa yang diamanahkan dengan betul	10 (0.4)	25 (1.0)	186 (7.8)	1051 (43.8)	1120 (46.7)	4.36
8	Menepati waktu dalam menjalankan tugas	13 (0.5)	37 (1.5)	420 (17.5)	1164 (48.5)	763 (31.8)	4.10
9	Menjalankan tugas dengan jujur	6 (0.3)	13 (0.5)	114 (4.8)	1020 (42.5)	1243 (51.8)	4.4.5
10	Menjalankan tugas dengan dedikasi	3 (0.1)	16 (0.7)	166 (6.9)	1103 (46.0)	1106 (46.1)	4.38
11	Mengutamakan kesempurnaan dalam tugas harian	10 (0.4)	28 (1.2)	287 (12.0)	1226 (51.1)	837 (34.9)	4.19
12	Menggunakan pelbagai kemudahan sumber maklumat di sekolah untuk meningkatkan pengetahuan murid	33 (1.4)	88 (3.7)	617 (25.7)	998 (41.6)	657 (27.4)	3.90
13	Menggunakan pelbagai kemudahan sumber maklumat di sekolah untuk meningkatkan kemahiran murid-murid	24 (1.0)	83 (3.5)	650 (27.1)	1013 (42.2)	619 (25.8)	3.89

14	Melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan di sekolah secara aktif	22 (0.9)	58 (2.4)	342 (14.3)	990 (41.3)	981 (40.9)	4.19
15	Menggunakan Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK/ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran	116 (4.8)	225 (9.4)	717 (29.9)	833 (34.7)	497 (20.7)	3.57
16	Mempunyai sifat mesra dan mudah didekati	18 (0.8)	34 (1.4)	180 (7.5)	928 (38.7)	1232 (51.3)	4.39
17	Mempunyai sifat empati/prihatin kepada murid	15 (0.6)	31 (1.3)	186 (7.8)	979 (40.8)	1183 (49.3)	4.37
18	Sentiasa menjaga maruah diri	7 (0.3)	8 (0.3)	46 (1.9)	685 (28.5)	1650 (68.8)	4.65
19	Mempunyai sifat keprihatinan dalam menyelesaikan masalah murid	23 (1.0)	33 (1.4)	237 (9.9)	1079 (45.0)	1026 (42.8)	4.27
20	Prihatin terhadap masa depan murid	22 (0.9)	31 (1.3)	163 (6.8)	982 (40.9)	1196 (49.8)	4.38
21	Sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi kesejahteraan murid	22 (0.9)	40 (1.7)	293 (12.2)	1039 (43.3)	1001 (41.7)	4.23
22	Bersedia mendengar masalah murid secara terbuka	33 (1.4)	61 (2.5)	373 (15.5)	997 (41.5)	930 (38.8)	4.14
23	Sanggup memaafkan kesalahan murid	36 (1.5)	49 (2.0)	289 (12.0)	1001 (41.7)	1022 (42.6)	4.22
24	Sabar dalam menghadapi kerenah murid-murid	31 (1.3)	44 (1.8)	313 (13.0)	1091 (45.5)	913 (38.0)	4.18
25	Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah murid	21 (0.9)	52 (2.2)	318 (13.3)	1248 (52.0)	753 (31.4)	4.11
26	Sentiasa mampu mengawal emosi	27 (1.1)	52 (2.2)	372 (15.5)	1144 (47.7)	798 (33.3)	4.10
27	Menjaga tutur kata	24 (1.0)	45 (1.9)	252 (10.5)	952 (39.7)	1118 (46.6)	4.29
28	Menjaga tingkah laku	11 (0.5)	23 (1.0)	115 (4.8)	970 (40.4)	1272 (53.0)	4.45
29	Menggunakan bahasa sapaan yang sesuai kepada murid-murid	17 (0.7)	37 (1.5)	189 (7.9)	948 (39.5)	1201 (50.0)	4.37
30	Berhemah dan sopan	8 (0.3)	19 (0.8)	107 (4.5)	923 (38.5)	1334 (55.6)	4.49

31	Menghormati pelbagai budaya bangsa	10 (0.4)	11 (0.5)	122 (5.1)	998 (41.6)	1251 (52.1)	4.45
32	Memberikan layanan secara saksama/adil kepada murid-murid	33 (1.4)	38 (1.6)	274 (11.4)	1010 (42.1)	1036 (43.2)	4.25
33	Bersikap terbuka dalam melaksanakan tugas	12 (0.5)	30 (1.3)	164 (6.8)	1115 (46.5)	1070 (44.6)	4.34
34	Mengambil tindakan yang wajar berasaskan kepada prinsip keadilan	20 (0.8)	32 (1.3)	217 (9.0)	1141 (47.5)	979 (40.8)	4.27
35	Mengambil kira kepentingan semua pihak dalam mengambil tindakan	18 (0.8)	39 (1.6)	279 (11.6)	1189 (49.5)	864 (36.0)	4.19
36	Mempunyai sikap bertolak ansur dalam membuat keputusan	22 (0.9)	34 (1.4)	209 (8.7)	1124 (46.8)	1002 (41.8)	4.28
37	Mempunyai sifat bertimbang rasa	18 (0.8)	33 (1.4)	147 (6.1)	1073 (44.7)	1119 (46.6)	4.36
38	Mengambil berat tentang orang lain	24 (1.0)	32 (1.3)	265 (11.0)	1105 (46.0)	965 (40.2)	4.24
39	Tidak mementingkan diri mereka sendiri	24 (1.0)	36 (1.5)	153 (6.4)	1020 (42.5)	1156 (48.2)	4.36
40	Tidak berputus asa dalam menyelesaikan masalah	15 (0.6)	30 (1.3)	201 (8.4)	1160 (48.3)	984 (41.0)	4.28
41	Memberikan sumbangan untuk kecemerlangan sekolah	6 (0.3)	17 (0.7)	263 (11.0)	1148 (47.8)	955 (39.8)	4.27
42	Melaksanakan pelbagai aktiviti untuk mencapai kecemerlangan sekolah	16 (0.7)	46 (1.9)	325 (13.5)	1057 (44.0)	934 (39.3)	4.20
43	Mempamerkan perwatakan ceria	21 (0.9)	47 (2.0)	341 (14.2)	982 (40.9)	999 (41.6)	4.21
44	Sentiasa bertenaga dalam menjalankan tugas	15 (0.6)	32 (1.3)	246 (10.3)	1080 (45.0)	1017 (42.4)	4.28
45	Melakukan senaman	146 (6.1)	198 (8.3)	901 (37.5)	825 (34.4)	319 (13.3)	3.41
46	Terlibat dalam sukan atau rekreasi	88 (3.7)	162 (6.8)	765 (31.9)	970 (40.4)	406 (16.9)	3.90
47	Mengamalkan pemakanan yang seimbang	31 (1.3)	71 (3.0)	461 (19.2)	1281 (53.4)	541 (22.5)	3.94

48	Berkomunikasi secara berkesan	24 (1.0)	42 (1.8)	265 (11.0)	1121 (46.7)	933 (38.9)	4.21
49	Menyampaikan dan menerima maklumat dengan tepat	16 (0.7)	33 (1.4)	237 (9.9)	1167 (48.6)	937 (39.0)	4.25
50	Terlibat secara aktif di dalam badan sukarela di sekolah	41 (1.7)	100 (4.2)	613 (25.5)	1096 (45.7)	540 (22.5)	3.83
51	Terlibat secara aktif di dalam badan sukarela di luar sekolah (NGO)	89 (3.7)	171 (7.1)	859 (35.8)	879 (36.6)	385 (16.0)	3.55
52	Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan	40 (1.7)	83 (3.5)	502 (20.9)	1104 (46.0)	656 (27.3)	3.94
53	Sedia berkhidmat di luar waktu tugas sekolah	55 (2.3)	75 (3.1)	469 (19.5)	1030 (42.9)	755 (31.5)	3.99
54	Melaksanakan kerja seperti yang dirancang	15 (0.6)	32 (1.3)	242 (10.1)	1200 (50.0)	895 (37.3)	4.23
55	Menghasilkan kerja yang berkualiti	12 (0.5)	34 (1.4)	191 (8.0)	1036 (43.2)	1112 (46.3)	4.34
MIN KESELURUHAN							4.20

Jadual 6 menunjukkan bahawa murid-murid secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif terhadap guru-guru Pendidikan Islam di sekolah. Terdapat beberapa item yang mendapat min yang tertinggi iaitu guru-guru pendidikan Islam sentiasa menjaga maruah diri mereka yang mana min purata adalah 4.65. Selain itu, murid-murid juga berpendapat bahawa guru Pendidikan Islam melaksanakan ibadat dengan sempurna dan mempunyai pegangan Islam yang kuat (Min : 4.51). Data dalam jadual di atas juga menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam adalah seorang yang berhemah dan bersopan (Min : 4.49). Guru Pendidikan Islam juga telah menerapkan nilai Islam dalam melaksanakan tugas mereka (Min : 4.47). Manakala, min yang terendah dalam domain diri guru ialah amalan melakukan senaman iaitu pada tahap 3.41.

3.2 Persepsi Murid Terhadap Domain Profesion Guru Pendidikan Islam

Bahagian pula akan membentangkan persepsi murid terhadap amalan yang berkaitan profesion perguruan guru yang ada pada guru-guru Pendidikan Islam mereka. Jadual 7 menunjukkan nilai min bagi setiap item.

Jadual 7: Domain Profesion Guru Pendidikan Islam

ITEM	PERNYATAAN Pada pandangan saya, ustaz/ustazah di sekolah saya ...	1 STS	2 TS	3 KS	4 SS	5 ST	MIN
1	Menjaga nama baik sebagai mereka sebagai seorang ustaz/ustazah.	14 (0.6)	15 (0.6)	61 (2.5)	783 (32.6)	1514 (63.1)	4.58
2	Sanggup berkorban masa.	10 (0.4)	20 (0.8)	212 (8.8)	1066 (44.4)	1079 (45.0)	4.33
3	Sanggup berkorban tenaga.	7 (0.3)	21 (0.9)	162 (6.8)	1065 (44.4)	1132 (47.2)	4.38
4	Bekerja dengan penuh dedikasi.	9 (0.4)	13 (0.5)	130 (5.4)	1033 (43.0)	1201 (50.0)	4.43
5	Memperlihatkan keyakinan dan kepercayaan diri	6 (0.3)	13 (0.5)	110 (4.6)	1058 (44.1)	1196 (49.8)	4.44
6	Mempamerkan kekemasan diri	12 (0.5)	22 (0.9)	112 (4.7)	867 (36.1)	1374 (57.3)	4.50
7	Boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai aktiviti	23 (1.0)	41 (1.7)	371 (15.5)	1113 (46.4)	839 (35.0)	4.13
8	Mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti di sekolah.	16 (0.7)	50 (2.1)	314 (13.1)	1167 (48.6)	835 (34.8)	4.16
9	Menguasai kemahiran untuk melaksanakan pelbagai aktiviti di sekolah.	19 (0.8)	44 (1.8)	392 (16.3)	1185 (49.4)	747 (31.1)	4.09
10	Menjalankan tugas tanpa kepentingan peribadi	20 (0.8)	26 (1.1)	252 (10.5)	1147 (47.8)	941 (39.2)	4.24
11	Menyempurnakan tugas dengan penuh komitmen	11 (0.5)	28 (1.2)	139 (5.8)	1102 (45.9)	1106 (46.1)	4.37
12	Mematuhi peraturan sekolah	12 (0.5)	25 (1.0)	132 (5.5)	873 (36.4)	1341 (55.9)	4.45
13	Tegas dan berpegang kepada prinsip sebagai seorang guru agama	15 (0.6)	14 (0.6)	99 (4.1)	887 (37.0)	1371 (57.1)	4.52
14	Mengamalkan tingkah laku yang diboleh dicontohi	13 (0.5)	22 (0.9)	138 (5.8)	874 (36.4)	1337 (55.7)	4.47

15	Mempamerkan imej diri yang boleh yang boleh dicontohi	12 (0.5)	25 (1.0)	132 (5.5)	873 (36.4)	1341 (55.9)	4.47
16	Menunjukkan perlakuan beradab	15 (0.6)	14 (0.6)	99 (4.1)	887 (37.0)	1371 (57.1)	4.50
17	Mempamerkan kepimpinan yang boleh dicontohi	11 (0.5)	14 (0.6)	151 (6.3)	974 (40.6)	1235 (51.5)	4.43
18	Komited dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah	11 (0.5)	31 (1.3)	271 (11.3)	1218 (50.8)	855 (35.6)	4.20
19	Berinisiatif untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah	9 (0.4)	22 (0.9)	170 (7.1)	1091 (45.5)	1095 (45.6)	4.36
20	Menjana idea baru dalam pengajaran dan pembelajaran	28 (1.2)	49 (2.0)	432 (18.0)	1153 (48.0)	712 (29.7)	4.04
21	Menggunakan pelbagai strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran	16 (0.7)	59 (2.5)	389 (16.2)	1056 (44.0)	855 (35.6)	4.13
22	Mengamalkan strategi dan teknik baru dalam pengajaran dan pembelajaran	17 (0.7)	66 (2.8)	479 (20.0)	1033 (43.0)	780 (32.5)	4.05
23	Mengubah suai strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran	30 (1.3)	80 (3.3)	525 (21.9)	1031 (43.0)	709 (29.5)	3.97
MIN KESELURUHAN							4.31

Secara keseluruhannya, berdasarkan jadual 7 menunjukkan pandangan murid terhadap guru Pendidikan Islam adalah sangat baik. Dapatan kajian murid-murid mempunyai pandangan yang positif kepada guru-guru pendidikan Islam. Antara yang mendapat min tinggi adalah guru Pendidikan Islam sangat menjaga nama baik mereka sebagai seorang ustaz atau ustazah di mana min domain profesion tersebut adalah yang tertinggi (Min: 4.58). Ia di ikuti dengan pandangan murid bahawa guru Pendidikan Islam amat tegas dan berpegang kepada sprinsip sebagai seorang guru agama (Min: 4.52). Di samping itu, menurut persepsi murid, guru Pendidikan Islam sentiasa mempamerkan kekemasan diri dan menunjukkan perlakuan yang beradab (Min: 4.50). Terdapat satu domain profesion yang dinilai mengikut pandangan murid di mana guru kurang melakukan pengubahsuaian terhadap strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran

mereka iaitu dengan nilai min 3.97. Namun begitu, keseluruhan dapatan menunjukkan murid-murid berpendapat guru Pendidikan Islam mengamalkan nilai profesion yang tinggi berdasarkan kepada keseluruhan perkara yang dinilai dalam domain profesion berada dalam nilai min yang tinggi.

3.3 Persepsi Murid Terhadap Domain Sosial Guru Pendidikan Islam

Dalam bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian berkaitan persepsi murid-murid terhadap amalan dalam aspek sosial guru Pendidikan Islam mereka.

Jadual 8: Domain Sosial Guru Pendidikan Islam

ITEM	PERNYATAAN	1 STS	2 TS	3 KS	4 SS	5 ST	MIN
	SAYA BERPENDAPAT, USTAZ/USTAZAH DI SEKOLAH SAYA ...						
1	Boleh bekerjasama dengan murid-murid.	25 (1.0)	25 (1.0)	198 (8.3)	1044 (43.5)	1090 (45.4)	4.32
2	Bertoleransi dengan murid-murid yang berbagai latar belakang (agama, jantina, bangsa).	17 (0.7)	33 (1.4)	210 (8.8)	1013 (42.2)	2383 (99.3)	4.29
3	Tidak emosional dalam menjalankan tugas.	27 (1.1)	47 (2.0)	371 (15.5)	1094 (45.6)	838 (34.9)	4.12
4	Menyertai aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum.	32 (1.3)	57 (2.4)	535 (22.3)	1142 (47.6)	615 (25.6)	3.95
5	Menunjukkan tingkah laku yang sesuai dalam semua situasi.	14 (0.6)	27 (1.1)	205 (8.5)	1127 (47.0)	1008 (42.0)	4.30
6	Ramah dan mesra.	14 (0.6)	19 (0.8)	142 (5.9)	950 (39.6)	1256 (52.3)	4.43
7	Menggunakan sapaan yang tepat.	13 (0.5)	19 (0.8)	160 (6.7)	1011 (42.1)	1179 (49.1)	4.40

8	Menjaga kesantunan bahasa semasa berkomunikasi.	11 (0.5)	24 (1.0)	154 (6.4)	992 (41.3)	1201 (50.0)	4.41
9	Mempamerkan kemahiran sosial yang tinggi.	16 (0.7)	35 (1.5)	278 (11.6)	1091 (45.5)	961 (40.0)	4.24
10	Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.	16 (0.7)	41 (1.7)	408 (17.0)	1157 (48.2)	758 (31.6)	4.09
11	Sanggup berkorban masa dan tenaga untuk memberi khidmat kepada masyarakat.	22 (0.9)	31 (1.3)	373 (15.5)	1134 (47.3)	818 (34.1)	4.13
12	Memupuk semangat kenegaraan.	17 (0.7)	43 (1.8)	331 (13.8)	1219 (50.8)	769 (32.0)	4.13
13	Menghayati sejarah negara.	21 (0.9)	52 (2.2)	429 (17.9)	1185 (49.4)	693 (28.9)	4.04
14	Menjaga nama baik negara.	11 (0.5)	15 (0.6)	159 (6.6)	1213 (50.5)	982 (40.9)	4.32
15	Meraikan hari-hari kebesaran negara.	27 (1.1)	26 (1.1)	318 (13.3)	1159 (48.3)	850 (35.4)	4.17
16	Mengutamakan 3K (kebersihan, kesihatan, keselamatan).	15 (0.6)	16 (0.7)	125 (5.2)	929 (38.7)	1293 (53.9)	4.46
17	Terlibat secara aktif dalam aktiviti alam sekitar (contoh; gotong royong, kempen kitar semula, kempen kebersihan).	17 (0.7)	36 (1.5)	294 (12.3)	1099 (45.8)	933 (38.9)	4.22
18	Prihatin terhadap isu-isu semasa berkaitan alam sekitar.	20 (0.8)	27 (1.1)	311 (13.0)	1171 (48.8)	851 (35.5)	4.18
MIN KESELURUHAN							4.23

Secara keseluruhan, skor min bagi konstruk domain penglibatan sosial dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.23. Ini menjelaskan bahawa pada pandangan murid guru Pendidikan Islam mempunyai dan memiliki tahap hubungan sosial pada tahap yang baik dan tinggi seperti yang ditunjukkan. Data dipaparkan melalui nilai deskriptif min daripada yang paling tinggi (4.46) kepada yang paling rendah (3.95). Antara item-item yang mendapat min skor yang tinggi ialah seperti guru Pendidikan Islam mengutamakan 3K (kebersihan, kesihatan, keselamatan) dengan nilai skor min (4.46), GPI Ramah dan mesra skor

min (4.43), GPI menjaga kesantunan bahasa semasa berkomunikasi skor min (4.41) dan GPI menggunakan sapaan yang tepat skor min (4.40). Walaupun jumlah keseluruhan skor min masih ditahap tinggi iaitu 4.23, namun masih terdapat beberapa item yang mendapat skor min yang agak rendah seperti GPI menyertai aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum (3.95), GPI menghayati sejarah negara (4.04), dan GPI melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan (4.09). Dapatan ini menunjukkan dalam soal hubungan sosial dengan masyarakat luar pada pandangan murid, GPI masih kurang terlibat terutamanya pada program-program yang melibatkan pelbagai kaum. Begitu juga dalam soal patriotik kenegaraan, penglibatan GPI juga masih diperingkat yang rendah berbanding dengan item-item yang lain iaitu seperti GPI memupuk semangat kenegaraan (4.13), GPI menghayati sejarah negara (4.04) dan GPI meraikan hari-hari kebesaran negara (4.17). Kesimpulannya penglibatan dan amalan GPI dalam aspek sosial pada pandangan murid masih berada pada peringkat yang sangat memuaskan.

3.4 Persepsi Murid Terhadap Domain Amalan Agama Guru Pendidikan Islam

Berikut merupakan dapatan persepsi murid terhadap amalan keagamaan yang diamalkan dalam kalangan guru Pendidikan Islam mereka.

Jadual 9: Penilaian Domain Amalan Agama Guru Pendidikan Islam

ITEM	PERNYATAAN	1 STS	2 TS	3 KS	4 SS	5 ST	MIN
	Saya berkeyakinan bahawa ustas/ustazah di sekolah saya sentiasa...						
1	Menunaikan solat lima waktu sehari.	4 (0.2)	6 (0.3)	62 (2.6)	459 (19.1)	1816 (75.7)	4.74
2	Menunaikan solat pada awal waktu.	15 (0.6)	17 (0.7)	232 (9.7)	980 (40.8)	1100 (45.8)	4.34
3	Menunaikan solat secara berjamaah.	12 (0.5)	23 (1.0)	270 (11.3)	963 (40.1)	1076 (44.8)	4.31
4	Menunaikan solat rawatib (solat sunat sebelum dan selepas solat fardhu).	24 (1.0)	35 (1.5)	298 (12.4)	1041 (43.4)	945 (39.4)	4.22

5	Melaksanakan Qiamulail .	28 (1.2)	40 (1.7)	373 (15.5)	1112 (46.3)	789 (32.9)	4.11
6	Berwirid/Berzikir .	4 (0.2)	22 (0.9)	109 (4.5)	950 (39.6)	1258 (52.4)	4.47
7	Membayar zakat .	6 (0.3)	4 (0.2)	55 (2.3)	642 (26.8)	1638 (68.3)	4.66
8	Bersedekah/Menderma/ Infak (termasuk makan minum).	6 (0.3)	11 (0.5)	119 (5.0)	882 (36.8)	1326 (55.3)	4.50
9	Membaca al-Quran setiap hari.	13 (0.5)	29 (1.2)	207 (8.6)	933 (38.9)	1161 (48.4)	4.37
10	Membaca buku rujukan agama .	8 (0.3)	23 (1.0)	142 (5.9)	964 (40.2)	1207 (50.3)	4.42
11	Membaca Tafsir al-Quran .	10 (0.4)	20 (0.8)	211 (8.8)	1059 (44.1)	1040 (43.3)	4.32
12	Berpuasa sunat Isnin dan Khamis .	34 (1.4)	56 (2.3)	533 (22.2)	1094 (45.6)	623 (26.0)	3.95
13	Berpuasa “ Puasa Enam bulan Syawal ”.	17 (0.7)	38 (1.6)	270 (11.3)	1028 (42.8)	983 (41.0)	4.25
14	Terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di surau/masjid.	13 (0.5)	25 (1.0)	238 (9.9)	1081 (45.0)	987 (41.1)	4.28
15	Menghafal hadith-hadith nabi .	16 (0.7)	27 (1.1)	306 (12.8)	1063 (44.3)	931 (38.8)	4.22
16	Mempunyai koleksi buku-buku agama di rumah.	8 (0.3)	17 (0.7)	178 (7.4)	966 (40.3)	1174 (48.9)	4.40
17	Menghafal surah-surah selain Juzuk ‘Amma (Juz 30).	9 (0.4)	25 (1.0)	242 (10.1)	1017 (42.4)	1051 (43.8)	4.31
18	Memberi tazkirah/nasihat untuk murid di luar waktu jadual rasmi sekolah.	14 (0.6)	18 (0.8)	206 (8.6)	870 (36.3)	1239 (51.6)	4.41
19	Membaca buku atau majalah ilmiah selain buku-buku agama.	14 (0.6)	21 (0.9)	219 (9.1)	1052 (43.8)	1034 (43.1)	4.31
20	Merujuk laman-laman web berunsur agama.	21 (0.9)	38 (1.6)	350 (14.6)	1025 (42.7)	907 (37.8)	4.18


21	Menutup aurat sebagaimana yang ditentukan oleh syariat.	8 (0.3)	15 (0.6)	60 (2.5)	592 (24.7)	1671 (69.6)	4.66
22	Berkebolehan untuk menjadi rujukan dalam bidang agama.	7 (0.3)	11 (0.5)	103 (4.3)	837 (34.9)	1385 (57.7)	4.53
23	Menghadiri majlis ilmu.	12 (0.5)	13 (0.5)	134 (5.6)	899 (37.5)	1322 (55.1)	4.47
24	Terlibat aktif dalam badan-badan dakwah.	12 (0.5)	44 (1.8)	312 (13.0)	1063 (44.3)	949 (39.5)	4.22
25	Mengajar/Berceramah dalam program-program keagamaan di luar sekolah anjuran masyarakat.	13 (0.5)	36 (1.5)	350 (14.6)	1007 (42.0)	972 (40.5)	4.21
26	Menulis artikel/esei berkaitan Islam di dalam mana-mana penerbitan.	66 (22.8)	117 (4.9)	765 (31.9)	946 (39.4)	481 (20.0)	3.70
27	Boleh menjadi imam solat .	66 (2.8)	15 (0.6)	135 (5.6)	656 (27.3)	1538 (64.1)	4.54
28	Boleh mengetuai pengurusan jenazah.	27 (1.1)	32 (1.3)	200 (8.3)	837 (34.9)	1276 (53.2)	4.39
29	Boleh menjadi khatib untuk solat Jumaat (untuk ustaz sahaja).	44 (1.8)	27 (1.1)	173 (7.2)	758 (31.6)	1263 (52.6)	4.40
MIN KESELURUHAN							4.34

Berdasarkan dapatan domain keagamaan di atas, kajian ini menunjukkan bahawa aspek amalan agama yang diamalkan oleh guru-guru Pendidikan Islam melalui kaca mata murid mereka adalah di tahap yang tinggi. Ini berdasarkan kepada keseluruhan item yang dinilai memperoleh min melebihi 3.70 ke atas. Antara item-item yang mendapat min skor yang tinggi seperti menunaikan solat lima waktu sehari (4.74), membayar zakat (4.66) dan menutup aurat (4.66) yang merupakan tuntutan kewajipan kepada umat Islam. Selain itu, murid juga mempunyai persepsi yang tinggi kepada guru Pendidikan Islam sebagai *qudwah hasanah* dalam aspek keagamaan apabila hampir keseluruhan 28 daripada 29 item domain mendapat nilai min yang tinggi dengan nilai 4.00 ke atas. Namun demikian, terdapat 2 item yang mendapat nilai min

sederhana iaitu berpuasa sunat isnin dan khamis (3.95) dan menulis artikel atau esei berkaitan Islam dalam mana-mana penerbitan (3.70).

Kajian ini menunjukkan bahawa pada pandangan murid-murid, mereka mempunyai perspektif yang sangat positif terhadap guru-guru pendidikan Islam mereka. Guru Pendidikan Islam dilihat sebagai contoh terbaik atau *role model* yang membentuk insan yang berakhlak dan bertaqwa oleh mereka. Peranan guru-guru Pendidikan Islam kini semakin penting kerana mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi mendidik dan membangunkan jiwa dan diri murid-murid mereka. Tingkah laku mereka dalaman dan luaran dinilai sebagai lambang keunggulan mereka sebagai guru dan menjadi ikutan serta tauladan kepada anak didik. Secara keseluruhannya amalan nilai profesionalisme Pendidikan Islam pada pandangan murid adalah pada tahap yang tinggi di mana setiap aspek domain yang dinilai mempunyai nilai purata min melebihi 4.00 ke atas iaitu domain diri (4.20), domain profesion (4.31), domain sosial (4.23) dan domain agama (4.34) seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah. Domain agama merupakan domain yang mendapat nilai tertinggi dalam penilaian murid yang membuktikan bahawa murid amat menghormati Guru Pendidikan Islam sebagai contoh teladan sebagai ikutan dalam aspek keagamaan. Berikut adalah rumusan tahap amalan nilai profesionalisme guru-guru pendidikan Islam berdasarkan pandangan murid-murid.

Gambarajah 1: Tahap amalan profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam



Maka, berdasarkan dapatan ini, guru-guru pendidikan Islam perlu memainkan peranan yang lebih aktif lagi dalam pembangunan remaja. Konsep dakwah dalam pendidikan perlu diamalkan sepenuhnya kerana murid-murid mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap guru-guru pendidikan Islam mereka. Guru Pendidikan Islam yang mempunyai kualiti yang tinggi bukan sahaja mampu mengajar murid dengan baik tetapi juga mempunyai ketrampilan diri yang meyakinkan, berpegang dengan prinsip kerja yang cemerlang serta bijak menempatkan diri dalam kalangan komuniti sekolah. Konsep guru dalam iaitu guru sebagai *Mudarris*, *Muallim*, *Mursyid*, *Muaddib* dan *Murabbi* perlu diamalkan dan dihayati oleh setiap mereka (Kamarul dan Ab. Halim 2012).

4.0 RUMUSAN

Sebagai rumusan, penyediaan dan latihan guru-guru mata pelajaran pendidikan Islam perlu difokuskan kepada melatih guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi yang mampu menjadi model kepada para remaja. Guru pendidikan Islam cemerlang ini boleh dilahirkan dengan menekankan kepada pembangunan insan guru bersepadu berteraskan konsep *Mudarris*, *Muallim*, *Mursyid*, *Muaddib* dan *Murabbi*. Guru yang kreatif, berinovasi, penggunaan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif dalam prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria serta menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna. Dengan berteraskan konsep "5A", guru pendidikan Islam perlu lebih kreatif dalam memberi kefahaman dan mengawasi aktiviti pelajar, bahkan juga menggambarkan tahap kebijaksanaan guru dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan kondusif di dalam dan luar bilik darjah. Peranan guru-dai'e perlu dibugarkan kepada semua guru pendidikan Islam agar tugas membangunkan generasi dilaksanakan dengan semaksimumnya.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khalthum Ibrahim, Nasruddin Yunos dan Azhar Ahmad. 2007. Orientasi amalan agama dalam kalangan remaja Melayu: Satu kajian di negeri Johor. Laporan Penyelidikan ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic And Arabic Education Universiti Kebangsaan Malaysia* 2(1).43-56.
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pyt). 2011. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Ghazali, (t.t). *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Ghulam Nabi Saqeb. 1999. "The psychology of love in Muslim education". *Muslim Education Quarterly*. 16(3) 38-55.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Johor : UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di malaysia: satu kajian kes*. Tesis Doktor Falsafah, UKM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mohd Yusof Othman, Ismail Ibrahim, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Ab. Halim Tamuri, Ibrahim Abu Bakar, Abrar Idris, Shamsul Shah Tarjo, Shamsul Azhar Yahya, Siti Maheran Ismail @ Ibrahim dan Noor Atiqah Abd Rahman, 2011. Keberkesanan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan. Laporan penyelidikan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman. 1983. *Usul al-tarbiyyah al-islamiyyah wa asalibiha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri.